

## **SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN BOLA SEPAK 7 SEBELAH B10**

### **1. AM**

Pertandingan ini dinamakan

### **KEJOHANAN BOLA SEPAK 7 SEBELAH BAWAH 10 (B10) TAHUN PLC ZON MATUNGGONG TAHUN 2022**

### **2. PENGANJUR / PENGELOLA**

Pertandingan ini dianjur oleh PLC Zon Matunggong (Biro Kokurikulum) dengan kerjasama Unit Kokurikulum SK. Lampaki Kudat.

### **3. PENYERTAAN**

- 3.1 Terbuka kepada pasukan bola sepak 19 buah sekolah PLC Zon Matunggong.
- 3.2 Pasukan boleh mendaftarkan pemain tidak lebih daripada 13 orang dalam borang yang disediakan oleh penganjur.
- 3.3 Pemain hanya boleh didaftar untuk mewakili satu pasukan sahaja.
- 3.4 Pengesahan dokumen pemain, memadai dengan hanya menghantar maklumat APDM yang telah disahkan oleh Guru Besar.
- 3.5 Pasukan perlu mengisi Borang Pendaftaran (R02).
- 3.6 Pasukan juga perlu menyediakan Borang Kebenaran Ibu Bapa .
- 3.7 Setiap guru pengiring juga perlu menyediakan Borang Kebenaran Penggunaan Kereta Sendiri untuk urusan menghantar para pemain.

### **4. TEMPAT, MASA DAN JADUAL PERTANDINGAN**

- 4.1 Semua perlawanan akan dijalankan di **Padang Bola Sepak SK. Lampaki Kudat**.
- 4.2 Perlawanan akan berlangsung pada **28, 29 & 30 SEPTEMBER 2022**.
- 4.3 Setiap perlawanan hendaklah mengikut jadual yang telah disediakan oleh pihak Penganjur.
- 4.4 Masa bagi semua perlawanan adalah ***10 + 2 + 10 = 22 minit keseluruhan***.
- 4.5 Pasukan yang akan bermain hendaklah berada di padang lima (5) minit sebelum perlawanan dimulakan. Kemenangan percuma akan diberikan kepada mana-mana pasukan jika pasukan lawan gagal berada di padang selepas lima (5) minit dari masa sesuatu perlawanan sepatutnya dimulakan.
- 4.6 Perlawanan pertama akan dimulakan pada **28/09/2022** tepat pukul **8.00 pagi**.

## **5. FORMAT PERTANDINGAN**

- 5.1 Pertandingan akan dijalankan secara tujuh (7) sebelah.
- 5.2 Pertandingan dijalankan menggunakan sistem Liga Dalam Kumpulan.
- 5.3 Dua (2) pasukan tertinggi mata dalam kumpulan akan mara ke peringkat suku akhir (kalah mati)
- 5.4 Dalam pertandingan ini diputuskan (peraturan penganjur), jika terdapat keputusan seri setiap perlawanan peringkat kumpulan, tendangan penalti akan diberikan untuk menentukan pemenang bagi setiap perlawanan. 3 orang pemain menjadi penendang pertama. Jika masih seri tambahan seorang pemain sehingga habis 7 orang pemain. Jika masih seri, maka lambung duit penentu pemenang.**
- 5.5 Dalam peringkat separuh akhir dan akhir, sekiranya dua pasukan yang bermain masih dalam kedudukan seri setelah masa sebenar tamat, tambahan masa (5m + 5m) diberikan. Jika masih seri tendangan penalti akan dibuat. Jika masih seri, lambung duit dilaksanakan untuk menentukan pemenang.

## **6. KUOTA HAD UMUR**

- 6.1 Pemain yang bermain di atas padang mestilah mengikut kuota had umur nisbah (1:2:4) yang ditetapkan oleh penganjur;
- 6.1.1 Satu (1) pemain umur 8 tahun (Tahun 2)**
- 6.1.2 Dua (2) pemain umur 9 tahun (Tahun 3)**
- 6.1.3 Empat (4) pemain umur 10 tahun (Tahun 4)**
- 6.2 Adalah sangat digalakkan sekiranya ada pemain di kalangan **murid perempuan** menyertai pertandingan ini.
- 6.3 Pemain kuota umur 8 dan 9 tahun akan diberikan **gelang** yang wajib dipakai semasa pertandingan berlangsung.
- 6.4 Kekecualian akan diberikan kepada pasukan sekiranya pemain umur 10 tahun tidak mencukupi, dibolehkan mendaftar murid-murid lain di bawah umur 10 tahun.

## **7. PERTUKARAN PEMAIN.**

- 7.1 Pengurus atau jurulatih bebas membuat pertukaran dengan syarat atas kebenaran pengadil pertandingan.
- 7.2 Namun pemain umur 8 tahun & 9 tahun di atas padang mestilah ditukar dengan umur yang sama.
- 7.3. Pemain berumur 8 & 9 tahun boleh menggantikan pemain umur 10 tahun .

## **8. SISTEM PENGIRAAN MATA**

- 7.1 Pasukan yang menang mendapat 3 (Tiga) Mata dan kalah 0 (kosong) Mata
- 7.2 Tiada Seri dalam pertandingan ini.
- 7.3 Kedudukan pasukan dalam kumpulan ditentukan dengan kiraan mata melalui susunan seperti berikut:
  - 7.3.1 **Mata Bersih.** Pasukan yang mendapat mata tertinggi
  - 7.3.2 **Perbezaan Gol** (Jaringan vs Bolos)
  - 7.3.3**Kiraan Jaringan.** Pasukan yang menjaringkan lebih banyak akan mempunyai kedudukan lebih tinggi
  - 7.3.4 Menewaskan pasukan lawan semasa perlawanan dalam kumpulan di kira pemenang.
  - 7.3.5 Undian lambung duit siling

## **9. PENGADILAN**

- 9.1 Pengadil yang mengadili pertandingan ini adalah pengadil yang bertauliah daripada **Persatuan Pengadil SAFA Matunggong**.

## **10. BANTAHAN**

- 10.1 Segala bantahan boleh dibuat dengan merujuk kepada Jawatankuasa Bantahan dan Rayuan yang dilantik oleh pihak pengajur kejohanan ini dalam tempoh 30 minit selepas perlawanan tamat dengan mengisi borang berserta dengan wang Bantahan sebanyak **RM350.00 (Tidak akan dikembalikan)**

## **11. PERATURAN AM**

- 11.1 Pasukan yang bertanding wajib menyediakan dua (2) set jersi yang mempunyai warna yang berlainan dan bernombor iaitu untuk jersi utama dan simpanan. Sekiranya dua (2) pasukan yang akan bertanding didapati memakai jersi yang sama warnanya, pasukan **away** dalam jadual petandingan hendaklah menukar jersi yang dipakai dengan warna lain.
- 11.2 Pihak pengajur tidak bertanggungjawab sekiranya berlaku kejadian yang tidak diingini, kecederaan dan kematian terhadap pemain atau mana-mana pihak sebelum, semasa dan selepas pertandingan ini dijalankan.
- 11.3 Segala perbelanjaan,makan minum dan pengangkutan pemain serta pegawai-pegawai adalah tanggungjawab pasukan itu sendiri.

11.3 Sekiranya Pengurus dan Pegawai-pegawai Pasukan terlibat dalam insiden pergaduhan dengan Pegawai-pegawai perlawanan atau pasukan lawan atau Urusetia Pertandingan, pasukannya akan **didenda dengan dikeluarkan** terus daripada pertandingan.

11.4 Pihak pengajur berhak untuk membuat sebarang pindaan atau perubahan pada jadual, padang perlawanan dan lain-lain yang berkaitan untuk melicinkan perjalanan pertandingan.

11.5 Jika tidak disebut dalam syarat-syarat pertandingan ini maka peraturan-peraturan SAFA, FAM & FIFA akan digunakan.

11.6 segala hal yang tidak diperuntukkan di bawah peraturan ini atau soal perbezaan tafsiran menjadi hak pengajur untuk memutuskannya dan keputusan pengajur adalah muktamad.

## **12. TANGGUNGJAWAP PENGURUS & PEGAWAI.**

12.1 Mencegah dan mengawal kelakuan para pegawai, pemain-pemain dan penyokong dari perkara yang tidak diingini berlaku semasa perlawanan berjalan.

12.2 Memastikan bahawa pemain yang diberi Kad Merah tidak dibenarkan bergaul dan duduk bersama dengan pengurus, pegawai dan pemain-pemain lain semasa perlawanan berjalan.

12.3 Memastikan bahawa tempat duduk hanya diisi oleh pegawai yang berkenaan sahaja selain daripada pemain-pemain.

12.4 Memastikan semua pegawai mesti memakai “NameTag”.

12.5 Memberi taklimat kepada pemain-pemain tentang disiplin sebelum perlawanan bermula.

## **13. KUASA PENGANJUR / PENGELOLA**

\*Penganjur / Pengelola Program **BERHAK** untuk mengubah syarat-syarat pertandingan mengikut keperluan semasa.

#### **14. AJK PENGANJUR/PENGELOLA**

**En. Mohd Juari bin Amit : 0138865690 (Pengerusi PLC Zon Matunggong)**

**En. Alfren Mangabis : 0148580665 (Pengerusi Pengelola)**

**En. Harman bin Tahip : 0138877873 (Pengurus Pertandigan)**

**En. Alex Madais : 01114161085 (SU Pertandingan)**

**En. Jaos Kuruput : 0195873106 (Urus Setia)**

**En. Kamla Matjeri : 010 8207829 (Urus Setia)**